



شركة آي دارالامان سنديرين برجله

SADA Reg. 200901011159 (854184-W)

SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.

Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kedah

KENYATAAN TAWARAN

Syarikat Air darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) mempelawa Kontraktor/Pembekal yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH TENDER DITUTUP
Pelawaan Mengemukakan Cadangan (<i>Request For Proposals - RFP</i>) bagi Perkhidmatan Sewa Pajak Kenderaan Kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) SADA/TEN/RFP/PA/01/2024 (Rujuk Lampiran)	RM 500.00 (tidak akan dikembalikan)	Tingkat 11, Jabatan Ukur Bahan, Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) Jalan Sultan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar Kedah 04 April 2024 (Khamis) sehingga 25 April 2024 (Khamis)	Berdaftar dengan: Sijil Kementerian Kewangan - 221503 (Penyewaan dan Pengurusan - Kenderaan/ Jentera/ Kenderaan Rekreasi)	Tiada Taklimat dan Lawatan Tapak	25 April 2024, (Khamis) pada jam 12.00 tengahari

Dokumen Tender boleh didapati di **Tingkat 11, Jabatan Ukur Bahan, Syarikat Air Darul Aman Sdn.Bhd., Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah** pada waktu pejabat (8.30 pg - 12.30 tgh dan 2.00 ptg – 3.30 ptg) bermula **05 April 2024**. Kontraktor/Pembekal perlu mendaftar terlebih dahulu dengan SADA dengan harga **RM50.00** sebelum membuat pembelian Borang Tender. Bayaran dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai / Atas Talian** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Pembekal perlu mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal masih sah tempohnya. Salinan fotostat Sijil Pendaftaran tidak akan dilayan.

Borang Tender/Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tender/Sebutharga di Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman, Aras Bawah (bersebelahan kaunter bayaran), Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd., Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah sebelum atau pada jam **12.00 tengahari** bertarikh **25 April 2024**.

KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)* SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD. (SADA)

1. Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) mempelawa mana-mana Syarikat/ Pembekal **yang berminat untuk mengemukakan** Kertas Cadangan *Request For Proposals (RFP)* bagi Perkhidmatan Sewa Pajak Kenderaan Kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.

- a. TAJUK : Pelawaan Mengemukakan Cadangan (*Request For Proposals -RFP*) bagi Perkhidmatan Sewa Pajak Kenderaan Kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.
- b. NO. PEROLEHAN : SADA/TEN/RFP/PA/01/2024
- c. KELAYAKAN : Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Dalam Semua Kod Bidang Berikut : **221503 - Penyewaan dan Pengurusan - Kenderaan / Jentera/ Kenderaan Rekreasi**
- d. TAKLIMAT RFP : Tidak Diadakan

2. OBJEKTIF

Tujuan bagi melaksanakan RFP adalah untuk mendapatkan cadangan secara menyeluruh dalam kajian dan pelaksanaan dari aspek teknikal, model perniagaan, tawaran kewangan daripada Syarikat/Pembekal bagi urusan perkhidmatan sewa pajak 20 unit kenderaan jenis Sport Utility Vehicle (SUV) dan Pick-up Truck.

3. HARAPAN SADA TERHADAP PEMBEKAL

- i. Memberi perkhidmatan yang memenuhi jangkaan SADA
- ii. Memberikan kerjasama dan melancarkan pengoperasian SADA ke arah yang lebih cemerlang.
- iii. Mematuhi semua peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

4. TEMPOH PERLAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan perkhidmatan adalah selama tiga (3) tahun dengan tambahan Dua (2) tahun (3+2) sekiranya SADA berpuas hati dengan prestasi Syarikat/Pembekal yang terpilih. Kontrak ini dijangka bermula pada Mei 2024.

5. SKOP PERKHIDMATAN

- i. Pembekalan kenderaan baru sebanyak 20 unit untuk kegunaan pengoperasian SADA sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa.
- ii. Butiran kenderaan :
 - a. Jenis badan kenderaan :
 - ✓ 6 unit kenderaan jenis Sport Utility Vehicle (SUV)
 - ✓ 14 unit kenderaan jenis Pick-Up Truck
 - b. Spesifikasi kenderaan :
 - ✓ Bahan Bakar : Diesel / Petrol
 - ✓ Keupayaan enjin : 2200 cc ke bawah
 - ✓ Transmission : Auto
 - ✓

*** Rujuk Terma Rujukan yang disertakan dalam dokumen tender.*
- iii. Tempoh kontrak perkhidmatan sewa pajak kenderaan adalah selama tiga (3) tahun dengan tambahan dua (2) tahun (3+2) tertakluk kepada terma dan syarat.
- iv. Perlindungan Insuran Kenderaan dan Cukai Jalan sepanjang tempoh kuatkuasa kontrak perkhidmatan.
- v. Penyelenggaraan kenderaan secara berkala dan memastikan kenderaan dalam kondusi yang terbaik. Syarikat/Pembekal hendaklah mengemukakan cadangan jadual penyelenggaraan mengikut keperluan dan kegunaan kenderaan.

6. PERKARA DAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

Syarikat/Pembekal hendaklah memastikan keperluan berikut diambilkira dalam penyediaan Cadangan RFP:

- i. Mengemukakan cadangan kaedah sewa pajak kenderaan import/tempatan yang bersesuaian sepertimana dinyatakan dalam **Terma Rujukan** yang ditetapkan SADA.
- ii. Mengemukakan jumlah harga tawaran berserta butiran sokongan. Syarikat/Pembekal **dimestikan** untuk mengisi harga tawaran dalam Borang Ringkasan Harga dan Borang Tender yang disertakan. Kegagalan Syarikat/Pembekal melengkapkan Borang Tender akan menyebabkan Cadangan RFP ditolak dan tidak dianalisa untuk penilaian.
- iii. Mengemukakan cadangan pelan perniagaan Syarikat/Pembekal termasuk cadangan terma dan syarat-syarat perjanjian serta lain-lain keperluan berkaitan khidmat sewa pajak kenderaan sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa.
- iv. Mengemukakan senarai rekod pengalaman yang berkaitan/seumpama projek ini;
- v. Mengemukakan profil dan prestasi kewangan syarikat; dan
- vi. Cadangan tawaran lain yang bersesuaian dengan perkhidmatan projek ini.
- vii. Semua kertas cadangan yang diterima dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal SADA berdasarkan kepada dokumentasi yang diterima semasa tarikh tutup tender. Pentender-pentender yang layak akan disyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Tender SADA.

7. KAEDAH PEMBAYARAN

Syarikat/Pembekal dipohon untuk mengemukakan bersekali cadangan kaedah pembayaran ke atas perkhidmatan yang disediakan sepanjang tempoh kontrak bagi membolehkan SADA menyediakan unjuran kewangan.

Syarikat/Pembekal hendaklah meneliti keseluruhan skop perkhidmatan yang diperlukan. Harga Tawaran yang akan ditawarkan hendaklah merangkumi keseluruhan kos yang terlibat dengan mengambilkira kehendak dan skop perkhidmatan, spesifikasi kenderaan serta pematuhan ke atas syarat perundangan dan obligasi semasa Kerajaan Malaysia semasa sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa. Tidak ada sebarang kos tambahan yang boleh dituntut sebaik sahaja kontrak dipersetujui dan ditandatangani.

8. Cadangan RFP beserta dokumen sokongan lain hendaklah dikemukakan sebagaimana yang berikut :
- i. Salinan 'softcopy' Dokumen RFP hendaklah diemailkan kepada kamaludin@sada.com.my / faizyamin@sada.com.my
 - ii. Salinan bercetak atau 'hardcopy' Dokumen RFP hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat serta dicatatkan Nombor Perolehan **SADA/TEN/RFP/PA/01/2024** pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
 - iii. Salinan Dokumen-Dokumen RFP hendaklah dikemukakan **sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tutup cadangan RFP iaitu 25 April 2024 (Khamis)**. Cadangan RFP yang lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Cadangan-cadangan RFP hendaklah dikemukakan kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD. (SADA),
892, JALAN SULTAN BADLISHAH,
05000 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.
(U/P : JABATAN UKUR BAHAN)**

9. SADA tidak akan terikat dengan cadangan yang telah dikemukakan dan bebas untuk membuat pindaan pada mana-mana cadangan mengikut kesesuaian, serta tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran cadangan RFP yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu cadangan RFP.
10. SADA mempunyai hak ke atas kertas cadangan yang dikemukakan dan cadangan yang diterima tersebut tidak akan mengikat SADA dalam apa jua bentuk dengan Pembekal.
11. Sebarang pertanyaan berhubung pelawaan RFP ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut :
- i. En. Kamaludin Bin Ahmad : 04-740 0500 (samb. 541)
Jabatan Pengurusan Aset
 - ii. En. Muhamad Faiz Yamin Bin Muhamad Yaziz : 04-740 0500 (samb. 953)
Jabatan Ukur Bahan